
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2004/2005

Oktober 2004

PLG 531 - Pengukuran Pendidikan

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

ARAHAN

Jawab **EMPAT (4)** soalan semuanya.

Jawab **EMPAT (4)** soalan sahaja.

1. Huraikan maksud kesahan ujian melalui 'interpretasi, penggunaan, implikasi nilai dan akibat' (Nitko, 2004). Berikan contoh-contoh di Malaysia dalam huraian bagi setiap faset di atas.
(25 markah)

2. Dengan bantuan rumus-rumus yang berkaitan, huraikan dengan terperinci bagaimana teori ujian klasik dikaitkan dengan konsep kebolehpercayaan ujian.
(25 markah)

3. Seorang guru besar sekolah rendah meminta bantuan anda menyediakan ujian prestasi bagi membantu murid-muridnya dalam ujian pencapaian. Anda telah menerima tugas ini. Tulis satu penerangan tentang konsep kesahan satu jenis ujian prestasi yang akan dilaksanakan di sekolah rendah tersebut.
(25 markah)

4. Majoriti guru-guru sekolah dan tuisyen di Malaysia melakukan aktiviti 'mengajar untuk ujian' (*teaching to the test*). Bincangkan perkaitan fenomena ini dengan isu kesahan ujian anjuran Lembaga Peperiksaan, Kementerian Pelajaran Malaysia. Perbincangan anda haruslah berlandaskan kepada definisi kesahan pilihan anda.
(25 markah)

5. Berikut ialah rumus koefisien kebolehpercayaan ujian yang boleh dikira berdasarkan satu pentadbiran ujian, iaitu koefisien alpha:

Sila huraikan bagaimana rumus ini terbentuk dengan menggunakan pendekatan 'skor komposit'. Mengapakah rumus ini dikatakan menganggar had bawah koefisien kebolehpercayaan (*lower bound of reliability coefficient*)?
(25 markah)